

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID  
(KOTA TINGGI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.05.2016**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dapat membudayakan pengurusan kewangan peribadi yang lebih baik dan sistematik kepada rakyat Malaysia terutama kepada generasi muda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2006 sebagai satu langkah proaktif bagi menyediakan saluran untuk pengguna mendapatkan nasihat dan

pendidikan kewangan serta bantuan berhubung pengurusan kredit. Ini bertujuan bagi memudahkan usaha-usaha membayar balik hutang seterusnya mengurangkan kes-kes individu dibelenggu bebanan hutang yang melampau akibat daripada pengurusan hutang yang kurang cekap.

AKPK melaksanakan pendidikan kewangan secara bersepadu bertujuan untuk menjadikan celik kewangan sebagai kemahiran yang penting dalam kehidupan seharian. Program yang ditawarkan bersasarkan kepada empat peringkat kehidupan iaitu ketika di institusi pengajian tinggi (IPT), memasuki alam pekerjaan, mula hidup berpasangan dan berkeluarga serta memasuki alam persaraan. Program ini telah disertai seramai 1.4 juta individu setakat ini. Pengisian program pendidikan kewangan AKPK memberi fokus kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan peribadi supaya dapat membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat;
- (ii) Mendorong pengguna untuk merancang dan mengurus kewangan isi rumah dengan berhemat serta sentiasa berbelanja mengikut kemampuan; dan
- (iii) Kepentingan mempunyai simpanan yang mencukupi sebagai penampungan sekiranya berlaku perkara yang tidak diduga seperti hilang

punca pendapatan dan untuk persediaan memasuki alam persaraan.

Pelaksanaan program pendidikan kewangan oleh AKPK diperluas dengan kerjasama bersepadu pihak-pihak yang terlibat serta pelbagai pengguna saluran penyampaian . Antaranya:

- (i) Jalinan bersama IPT dalam memperkenalkan modul '*Personal Financial Management*' dalam pembelajaran;
- (ii) Kerjasama dengan organisasi-organisasi besar seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Polis Di Raja Malaysia dan lain-lain melalui kaedah '*training-of-trainers*' (TOT); dan
- (iii) Pengguna media cetak dan elektronik, media sosial, taklimat, pameran dan seminar. AKPK juga telah menerbitkan buku-buku rujukan tentang pengurusan kewangan serta menggalakkan penggunaan aplikasi mudah alih *MyTabung* dalam kehidupan seharian.

Tuan Yang di-Pertua,

Program pendidikan kewangan bersasaran dengan intervensi yang berterusan dan konsisten telah terbukti dapat membentuk perubahan tingkah laku yang baik serta memperkukuh tahap sosio-ekonomi di kalangan peserta. Sebagai contoh, melalui usaha sama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia dan Taylor's College, AKPK telah menyampaikan program pendidikan kewangan kepada golongan

usahawan kecil. Dengan intervensi mingguan yang dilaksanakan selama 6 bulan, program ini berjaya membantu usahawan kecil terlibat meraih hasil perniagaan yang lebih tinggi serta mampu meningkatkan simpanan peribadi sebanyak 30 peratus.

Di samping itu, AKPK turut membantu individu yang menghadapi masalah menguruskan kewangan mereka dengan mencadangkan individu tersebut melakukan perubahan gaya hidup, membantu mereka menyusun semula hutang dan membuat pelan pembayaran balik yang bersesuaian mengikut profil dan komitmen peminjam melalui perundingan dengan institusi perbankan yang terlibat.

Sejak penubuhannya, AKPK telah memberi khidmat nasihat kepada lebih 430,000 peminjam, yang mana daripada jumlah tersebut, lebih 150,000 peminjam telah memasuki Program Pengurusan Kredit (PPK). Seramai lebih 10,000 peminjam telah berjaya menjelaskan kesemua hutang mereka di bawah program ini.